

Pemimpin bahagian yakin Pak Lah

UM 23 JUN 2003

KUALA LUMPUR 22 Jun — Pemimpin-pemimpin UMNO peringkat bahagian di seluruh negara yakin kesinambungan kecemerlangan parti dan negara yang telah disaksikan di bawah kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan diteruskan oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Sehubungan itu, pemimpin-pemimpin tersebut berjanji akan terus berusaha mengekalkan nilai-nilai perpaduan di kalangan ahli di kawasan masing-masing demi memastikannya kekuatan UMNO tetap utuh.

Di Johor, Pemangku Ketua UMNO Bahagian Muar, Mohd. Ismail Mohd. Shah menyifatkan Dr. Mahathir sebagai seorang pemimpin yang sanggup mengundurkan diri ketika masih mampu memimpin negara dengan cemerlang.

Mohd. Ismail yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Parit Bakar berkata, Abdullah sebagai salah seorang pemimpin kanan dalam parti dan Kabinet, Timbalan Presiden UMNO mampu meneruskan perjuangan memartabatkan bangsa dan negara di mata dunia yang diasaskan oleh Dr. Mahathir.

Di Melaka, Ketua UMNO Bahagian Kota Melaka, Datuk Amid Nordin berkata, ingatan Dr. Mahathir yang mahu' setiap ahli UMNO

bersatu padu perlu dijadikan pegangan dalam kehidupan harian mereka, terutama kepada mereka yang memegang jawatan dalam parti.

Menurut beliau, ahli UMNO yang berjawatan dalam parti harus sentiasa memberi khidmat bakti dan kesetiaan kepada parti walaupun mereka tidak lagi memegang apa-apa jawatan dalam parti kelak atau setelah bersara.

Sokongan

Setiausaha UMNO Bahagian Batu Berendam, Datuk Karim Sulaiman memberitahu, dengan cara memberi sokongan dan kerjasama kepada calon baru yang dilantik kelak telah membuktikan bahawa ahli-ahli UMNO memang berpegang teguh dengan semangat perpaduannya.

Tambah beliau, pentadbiran negara hari ini digerakkan oleh pucuk pimpinan dari parti UMNO yang sememangnya terkenal dengan imej perpaduan yang tinggi di kalangan ahlinya.

Ketua Wanita UMNO Bahagian Jasin, Datuk Ramlah Abbas pula meminta ahli-ahli UMNO di negeri ini menghayati kata-kata terakhir Presiden UMNO dan mematuhi segala amanat yang diberikan demi memastikan keteguhan UMNO.

Di Pahang, Ketua UMNO Bahagian Raub, Datuk Shahrudin Ab. Moin berkata, perhimpunan kali ini menunjukkan UMNO begitu mantap dan sememangnya Dr. Mahathir telah berjaya menyatupadukan ahli sebelum persaraannya.

Timbalan Ketua UMNO Bahagian Maran, Datuk Muhammad Abdullah berpendapat, perhimpunan yang berakhir semalam memberi impak besar kepada perpaduan dan permuafakatan ahli-ahli parti.

Menurutnya, Perdana Menteri telah berjaya membawa hala tuju parti ke arah perpaduan jitu, permuafakatan kental, kesetiaan dan mengembalikan semula imej UMNO.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Pahang, Ismail Mohd. Said pula berkata, perhimpunan kali ini telah menyerlabkan semangat nasionalisme unggul Dr. Mahathir dan ini bakal dicontohi golongan muda.

Ujar beliau, Dr. Mahathir telah berjaya membina keyakinan dan kekuatan baru kepada ahli UMNO untuk mengetepikan sebarang persepisan dan mengukuhkan perpaduan.

Ketua Penerangan UMNO Bahagian Jerantut, Azizan Yaakob pula berkata, kebijaksanaan kepimpinan Dr. Mahathir yang ditunjuk-

teruskan kecemerlangan Mahathir

kan semasa persidangan itu jelas menjadi contoh kepada semua ahli.

Katanya, Dr. Mahathir telah menunjukkan teladan sebagai seorang yang berpegang kepada prinsip dan pada masa yang sama ikhlas dalam perjuangannya.

Di Pulau Pinang, Ketua Pergerakan Pemuda UMNO negeri, Roslan Saidin yakin kesinambungan kecemerlangan parti dan negara di bawah kepimpinan Dr. Mahathir akan diteruskan oleh Abdullah.

Cabaran

Katanya, Timbalan Perdana Menteri seorang pemimpin yang tenang dan sabar dalam menghadapi pelbagai cabaran dalam parti dan negara.

Ketua UMNO Bahagian Jelutong, Mohd. Noor Hussein berkata, kemampuan Abdullah menerajui negara tidak boleh dinafikan kerana ia telah dibuktikan baru-baru ini.

Katanya, sepanjang dua bulan semasa Perdana Menteri bercuti, Abdullah menguruskan negara dengan baik khususnya ketika menangani Sindrom Pemafasan Akut Teruk.

"Kita (UMNO bahagian) yakin dan menaruh kepercayaan atas kepimpinan Abdullah, parti akan berada di landasan kejayaan seperti yang telah dibawa oleh Dr. Mahathir," katanya.

Di Negeri Sembilan, Ketua Baha-

gian UMNO Seremban, Datuk Is-hak Ismail berkata, beliau yakin UMNO akan terus kukuh dan mantap walaupun selepas peralihan kuasa kepada Timbalan Perdana Menteri.

Menurut beliau, kekuatan UMNO bukan hanya terletak di bahu pemimpin teratas sebaliknya pada kejituan jentera parti di peringkat bawah.

Ujarnya, sehebat mana pun pemimpin parti tetapi jika jentera lemah, UMNO akan lemah tetapi jika jentera kuat UMNO terus berkuasa.

Di Selangor, Ketua UMNO Bahagian Sabak Bernam, Datuk Raja Ideris Raja Ahmad percaya Timbalan Perdana Menteri akan meneruskan perjuangan Dr. Mahathir membela agama, bangsa dan negara.

Katanya, sebagai Presiden UMNO yang baru dan berwibawa, Abdullah pastinya akan memanfaatkan kekuatan UMNO sekarang bagi memastikan kemenangan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya akan datang.

"UMNO di peringkat akar umbi akan berdiri teguh dan terus menyokong kepimpinan Abdullah, malah saya percaya UMNO kini bertambah kuat setelah mendengar amanat terakhir Dr. Mahathir pada Perhimpun-

nan Agung UMNO yang berakhir semalam," katanya.

Ketua UMNO Bahagian Kapar, Datuk Abdul Rahman Palil pula yakin Abdullah akan memimpin UMNO dengan baik setelah banyak belajar serta mendapat asuhan yang baik daripada kepimpinan Dr. Mahathir.

Kata beliau, peralihan kuasa jawatan Presiden UMNO yang licin juga menandakan satu kompromi yang baik di kalangan pemimpin tertinggi parti hingga UMNO kini semakin kukuh dan selesai untuk menghadapi pilihan raya.

Pengalaman

Ketua UMNO Bahagian Kuala Langat, Datuk Abdul Fatah Iskandar memberitahu, Abdullah telah mendapat pengalaman secukupnya dan sangat layak untuk menerajui UMNO dan negara selepas Dr. Mahathir.

Menurutnya, beliau yakin Abdullah mampu menjadi Presiden UMNO yang berkualiti tetapi juga Perdana Menteri yang mampu memimpin masyarakat majmuk di negara ini dengan baik.